

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Tuesday, April 17, 2018 8:30 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin
Subject: GUNA LIDAH PROMOSI BISNES: PPA UUM CAS INGIN BANTU USAHAWAN OKU



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

17 APRIL 2018 / 1 SYAABAN 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

GUNA LIDAH PROMOSI BISNES: PPA UUM CAS INGIN BANTU USAHAWAN OKU

PENDANG- Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, PPA UUM CAS telah mengadakan lawatan ke Kampung Gelong Gajah, Tobiar, Pendang, Kedah bagi membantu seorang usahawan orang kurang upaya (OKU) iaitu Nursamawati Mahmood atau Kak Long yang membantu mempromosikan bisnes keluarganya hanya dengan menggunakan lidah. Lawatan yang diadakan pada 3 April 2018 yang lepas merupakan sesi lawatan kali yang kedua selepas wakil PPA UUM CAS mengadakan lawatan sulung pada 12 Februari 2018 yang lalu . Diketuai oleh Timbalan Dekan PPA UUM CAS, Dr. Mohamad Farhan Mohamad Mohsin dan Mohd Farid Fadly Mohamad Fuad, lawatan ini turut disertai oleh enam orang wakil persatuan di bawah PPPA UUM CAS iaitu Persatuan Komunikasi (PERKOM), The Institute of Public Relation Malaysia Student Association (IPRMSA- UUM chapter), Persatuan Kreatif Inovatif (CIA), dan Persatuan Kerja Sosial.



Menurut Dr. Mohamad Farhan Mohamad Mohsin, tujuan PPA UUM CAS membawa wakil setiap persatuan adalah untuk mengumpulkan idea bentuk bantuan sukarelawan yang dapat disumbangkan oleh mahasiswa dalam usaha membantu meringankan beban keluarga tersebut khususnya Kak Long dalam mempromosikan bisnes keluarganya. Tambah beliau lagi, program ini dianjurkan untuk menyeru setiap persatuan di bawah UUM PPA CAS menganjurkan program berbentuk *Corporate Social Responsibility* (CSR).



Menurut pengusaha bisnes iaitu ibu Kak Long, Puan Saudah Binti Shaari, produk diusahakan oleh beliau ialah sos, kicap, dan cuka berjenama Mahmudah yang dijual secara kecil-kecilan di sekitar Pendang. Tambah beliau lagi, produknya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada rata-rata pelanggan apabila anak beliau yang istimewa menjadi viral di laman sosial dan akhbar. Istimewanya, produk tersebut diberi nama “Mahmudah” oleh anak istimewanya ialah hasil gabungan nama beliau dan suami.



“Saya mula mempromosikan perniagaan ibu melalui media sosial Facebook dan Instagram sejak tahun 2013 lagi ” kata Kak Long yang merupakan anak istimewa daripada 5 adik-beradik. “Pada mulanya agar sukar bagi saya untuk menekan skrin telefon bagi membalas pesanan daripada pelanggan dengan menggunakan lidah, namun lama-kelamaan sudah menjadi kebiasaan,” tambah beliau.

“Saya belajar mempromosikan produk ini dengan tunjuk ajar kawan-kawan yang turut memberikan sokongan kepadanya” tambah beliau lagi. Keunikannya, beliau gagahkan diri belajar cara menggunakan media sosial hanya satu tujuan iaitu membantu ibu dan ayah melariskan perniagaan mereka kerana latar belakang keluarganya yang susah.



Hasil perbincangan, penambahbaikan yang ingin dilaksanakan ialah membuat video untuk mempromosi produk, meningkatkan reka bentuk label kicap dan sos, mengutip derma untuk membeli tablet, dan memohon logo keluaran bumiputera.

Sekian

=====

Students Development & Alumni Office
 UUM College of Arts & Sciences
 Tel: 049285307/5507 | Faks: 049285310
 Email:cas-sadc@uum.edu.my
 Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



AACSB
ACCREDITED



**ASSOCIATION
OF AMBA**
ACCREDITED



IQA
International
Quality
Accreditation



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.